

**Titah Ucapan Perasmian
Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus**

**Sabtu, 9 November 2019
8.15 pagi**

Padang Majlis Perbandaran Seremban

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

1. Segala puji dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Salawat dan salam ke atas Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW yang diutuskan sebagai rahmat bagi sekalian alam, juga ke atas sekalian Ahli Keluarga serta para Sahabat Baginda yang mulia.

2. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat hadir ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tahun 1441 Hijriah.

3. Sambutan Maulidur Rasul untuk memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW pada 12 Rabiul Awal setiap tahun adalah tanda kasih kita terhadap Baginda sebagai insan yang paling berjasa kepada kita dan kepada kemanusiaan seluruhnya. Kelahiran Baginda membawa bersama Islam sebagai Addin atau cara hidup sempurna yang menjadi pelengkap kepada asas ketamadunan manusia sehingga hari ini.

4. Sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan, catatan sejarah menunjukkan kehidupan masyarakat jahiliyah penuh dengan kezaliman dan penindasan kaum wanita, sehinggalah kepada pembunuhan anak-anak perempuan, akibat tiadanya iman dalam masyarakat ketika itu. Namun keadaan ini berubah apabila Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW yang nyata telah mewujudkan kesejahteraan, kebahagiaan, keharmonian dan keamanan dalam masyarakat yang menjadi pakaian kepada kehidupan manusia.

5. Nabi Muhammad SAW juga mengambil langkah mempersaudarakan umat Islam tanpa mengira kaum menerusi ikatan ukhwah sesama Islam. Kaum Aus dan Khazraj yang sekian lama bersengketa telah berjaya didamaikan. Baginda menyuburkan benih perpaduan dalam masyarakat tersebut untuk mereka beriman kepada perintah Allah SWT.

6. Dalam pembentukan nilai-nilai murni dan akhlak, umat Islam perlu menjadikan Al-Quran dan Sunnah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sebagai panduan utama. Kejayaan sesuatu tamadun tidak hanya terletak pada kekuatan ketenteraan dan ekonomi yang kukuh semata-mata, tetapi juga terletak kepada keperibadian mulia masyarakatnya. Allah SWT mengutus Rasulullah SAW untuk menyempurnakan budi

pekerti mulia dalam jiwa umatnya dan seluruh manusia, sekali gus menghendaki kita supaya bermuamalah sesama manusia dengan akhlak yang baik. Ini adalah seperti sabda Baginda yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia."

Hadis Riwayat al-Hakim.

7. Pada masa ini, setiap hari media massa melaporkan perbuatan jenayah rasuah, penipuan dan salah guna kuasa oleh orang Melayu yang beragama Islam. Di Negeri Sembilan, statistik jenayah menunjukkan lebih 90 peratus tangkapan dibuat ke atas kesalahan penyalahgunaan dadah, rogol dan sumbang mahram adalah juga di kalangan rakyat yang beragama Islam. Para remaja Islam pula dikaitkan dengan gejala sosial seperti mat rempit dan yang terbaru, basikal lajak. Inilah akibat daripada luntarnya adab kesopanan dan tatasusila apabila jiwa insan tidak disuntik dengan pendidikan akhlak. Mereka yang tidak mempelajari ilmu berkaitan keimanan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW serta akhlak Baginda akan memberi kesan negatif kepada diri. Ketakwaan kepada Allah SWT dan kecintaan kepada Rasulullah SAW akan menghasilkan umat yang mempunyai akhlak terpuji.

8. Beta pernah menekankan perancangan yang boleh kita lakukan agar generasi akan datang tidak lagi melibatkan diri dalam perbuatan yang tidak diingini. Perancangan haruslah dibuat sekarang walaupun hasilnya hanya boleh dirasai setelah beberapa tahun. Jika tiada sebarang langkah dibuat sekarang, sifat yang buruk dalam masyarakat tidak akan berubah sampai bila-bila. Allah SWT turut menyeru umatnya supaya berikhtiar untuk berubah menjadi lebih baik seperti petikan ayat 11 surah Ar-Rakdu yang bermaksud,

‘Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri’.

Pendidikan kepada generasi muda perlu bermula daripada kecil supaya dapat dilentur menjadi umat yang tinggi akhlaknya. Peranan ini perlu dimainkan oleh semua pihak terutamanya ibu bapa dan setiap anggota masyarakat. Antara kaedah yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik generasi muda ialah melalui teladan, nasihat, pemerhatian dan hukuman. Rasulullah SAW pernah bersabda:

“Setiap anak yang lahir, dilahirkan di atas fitrah, maka kedua-dua orang tuanya menjadikannya Yahudi, Majusi, atau Nasrani.”

Hadis Riwayat Bukhari.

9. Pendidikan melalui teladan merupakan kaedah yang paling berkesan kepada golongan kanak-kanak dan belia. Ibu bapa yang inginkan anak yang bersifat jujur, amanah, penyayang dan nilai-nilai murni yang lain, perlu terlebih dahulu mengamalkan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan seharian. Hal ini selaras dengan nasihat Imam al-Syafie yang bermaksud :

“ Hendaklah kamu iaitu ibu bapa perbaiki diri dahulu sebelum memperbaiki anak-anak, kerana mata mereka sentiasa memerhatikan kamu. Baik dan buruk bagi mereka adalah mengikut penentuan kamu, oleh itu ajarlah mereka al-Quran iaitu syariat Islam dan jangan abaikan mereka, jika diabaikan nescaya mereka akan terpesong ”.

10. Oleh yang demikian, didikan ibu bapa terhadap nilai-nilai murni ini, akan memimpin arah generasi muda dalam membentuk mereka menjadi umat yang cemerlang dan dihormati. Bukan sekadar itu sahaja, malah ia pasti akan menjamin generasi umat Islam akan datang hidup beriman, bertakwa dan memiliki sifat-sifat seperti jujur, ikhlas, merendah diri, bertoleransi serta mengamalkan tolong-menolong antara keluarga, jiran dan masyarakat.

11. Islam adalah agama yang membawa rahmat ke seluruh alam. Kewujudan pelbagai agama, kaum dan bangsa tidak menjadi penghalang untuk keadilan ditegakkan agar semua ahli masyarakat dapat hidup bersama dengan aman dan harmoni. Malah, masyarakat majmuk boleh dibentuk menjadi masyarakat yang saling bertolak ansur. Sebahagian daripada maksud ayat 13, surah al-Hujurat, Allah SWT berfirman :

“ Wahai umat manusia ! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain).

12. Bagi menjaga keharmonian, perpaduan dan kestabilan negara, perkara-perkara penting yang perlu difahami dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat ialah sifat peramah dan mesra, saling memahami dan bertoleransi, serta saling bantu-membantu antara kaum dan etnik dalam negara ini. Kita seharusnya berhati-hati dalam meneliti sebarang propaganda, prasangka atau berita yang diterima tentang sesuatu kaum, agama dan sebagainya. Jangan terlalu cepat membuat tuduhan, sebaliknya kita harus bermuhasabah dan menilai diri sendiri sekiranya kita juga telah melakukan kesalahan. Jauhilah

perkara-perkara yang mengundang perselisihan serta perbalahan dan serulah kepada perpaduan dan kedamaian. Ingatlah bahawa seorang muslim itu ialah mereka yang menjaga tutur kata, lidah dan tangannya.

13. Akhir titah, Beta menyokong inisiatif dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk membimbing dan meningkatkan akhlak masyarakat. Antara program yang telah dimulakan ialah menjadikan masjid sebagai Masjid Rintis Kempen Perangi Dadah. Kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sembilan telah memilih beberapa buah masjid untuk tujuan tersebut. Ia dijangka akan menyemarakkan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah dalam masyarakat. Beta berharap agar lebih banyak lagi inisiatif akan diambil dan menyeru agar semua rakyat negeri ini menyokong dan membantu untuk memastikan inisiatif seperti ini akan berjaya.

14. Beta mendoakan semoga kita beroleh kejayaan, kecemerlangan dan kebahagiaan yang hakiki di sisi Allah SWT di dunia dan akhirat, serta menjadi umat yang taat dan menuruti jejak langkah Nabi Muhammad SAW.

**Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, Beta merasmikan
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri, Negeri Sembilan
Darul Khusus bagi tahun 1441 Hijriah.**

Sekian, Wabillahittaufig Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.